

YPKT kendali 459 kes ibu tunggal

KUALA TERENGGANU - Kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah mengendalikan sebanyak 459 kes guaman membabitkan ibu tunggal di negeri ini sejak ia diperkenalkan pada tiga tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof berkata, YPKT menyediakan khidmat berkenaan secara percuma bagi membantu ibu tunggal khususnya membabitkan kes penceraihan, hadanah, mutuah, tuntutan harta dan bagi memastikan hak mereka terbela.

Menurutnya, banyak isu dan kes melibatkan wanita digantung tidak bertali serta kes tuntutan dan penceraihan yang mengambil masa lama, menyebabkan ramai wanita teraniaya.

"Kita faham ada antara mereka permasalahan sebab kes babitkan undang-undang. Sebab itu YPKT sedia khidmat peguam percuma bagi bantu mereka.

"Kita bukan sahaja sedia peguam tetapi turut sedia latihan simulasi kepada ibu tunggal. Contohnya kita ambil mereka yang ada masalah penceraihan, kita lakonkan sampai ke peringkat ada watak hakim dan peguam," katanya.

Muhammad Pehimi menjelaskan, tujuan YPKT untuk membantu



Pehimi menerima cenderamata daripada wakil ilkap.

mempermudah urusan khususnya melibatkan undang-undang selain mempersiapkan ibu tunggal dengan tatacara untuk berdepan kes sebegini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Seminar mengenai Hak dan Isu-isu Wanita dan Kanak-kanak Zon Timur Tahun 2015 di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), di sini.

Katanya, sehingga kini terdapat 24,000 ibu tunggal dan 3,000 bapa tunggal di negeri ini dan untuk membantu mereka, YPKT telah memberi definisi berbeza kepada golongan ibu tunggal bagi

membolehkan lebih ramai dibantu.

"Kategori pertama adalah tiada suami (sama ada meninggal dunia atau akibat penceraihan) dan kedua, dalam proses penceraihan yang memakan masa sehingga dua, tiga sehingga 10 tahun.

"Kesemuanya kita anggap tiada suami dan diistilahkan ibu tunggal walau masih bersuami," katanya.

Selain itu katanya, kategori ibu tunggal turut merangkumi mereka yang mempunyai suami tetapi tidak mampu memainkan peranan sebagai ketua keluarga seperti penagih dadah.